



**SIARAN MEDIA**  
**KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

---

**FENOMENA TENGAH HARI TANPA BAYANG KUALA LUMPUR, PUTRAJAYA,  
SHAH ALAM PADA ISNIN, 28 MAC 2022**

---

**PUTRAJAYA, 28 MAC 2022** – Bandaraya Kuala Lumpur, Putrajaya, Shah Alam serta beberapa bandar lain akan mengalami fenomena Tengah Hari Tanpa Bayang pada hari ini, 28 Mac 2022. Bandaraya Kuala Lumpur dan Putrajaya akan mengalami fenomena tersebut pada jam 1:19 petang manakala Bandaraya Shah Alam pula pada jam 1:20 petang.

YB Dato' Sri Dr. Adham Baba, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) berkata, “Saya ingin seluruh Keluarga Malaysia menghayati fenomena ini. Orang ramai digalakkan keluar rumah lebih awal untuk memerhatikan perubahan bayang-bayang sendiri atau bayang-bayang objek-objek lain di sekitar kawasan.”

Fenomena Tengah Hari Tanpa Bayang ini merupakan susulan daripada Peristiwa Ekuinoks yang berlaku pada Isnin lepas, iaitu pada 21 Mac 2022 apabila matahari berada tepat di atas garisan khatulistiwa. Semasa Peristiwa Ekuinoks, seluruh dunia mengalami waktu siang dan malam yang sama panjang iaitu 12 jam siang dan 12 jam malam.

Peristiwa Ekuinoks juga menandakan perubahan musim iaitu bermulanya musim bunga di hemisfera utara bumi manakala di hemisfera selatan bumi pula akan mula mengalami musim luruh. Fenomena ini dipanggil fenomena Tengah Hari Tanpa Bayang kerana pada waktu tengah hari, matahari akan berada tepat di atas kepala setiap orang di atas sepanjang garisan khatulistiwa. Bayang kepala dan badan akan terjatuh ke tapak kaki seolah-olah tiada bayang yang jatuh ke bumi.

Namun begitu, kedudukan Malaysia yang berada agak sedikit ke utara daripada garisan khatulistiwa menyebabkan Malaysia tidak mengalami fenomena Tengah Hari Tanpa Bayang pada 21 Mac 2022 yang lalu.

Malaysia telah mula mengalami fenomena Tengah Hari Tanpa Bayang pada hari Rabu lepas, iaitu pada 23 Mac 2022 di bandar-bandar Serian, Sri Aman dan Betong di Sarawak serta Kukup di Johor. Ini diikuti bandar-bandar lain pada tarikh-tarikh berikutnya sehinggalah ke bandar terakhir iaitu Kudat dan Jambongan di Sabah pada 7 April 2022. Selepas 7 April 2022, matahari akan semakin teranjak ke latitud-latitud lebih ke utara iaitu ke negara-negara seperti Thailand, Vietnam dan Kemboja.

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada Jadual Tengah Hari Tanpa Bayang yang dilampirkan bersama Siaran Media ini.

**[TAMAT]**

**KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI)**

28 Mac 2022

**JADUAL TENGAH HARI TANPA BAYANG UNTUK SEMUA BANDAR  
DAN BANDARAYA DI MALAYSIA BERSEMPENA PERISTIWA EKUINOKS 21  
MAC 2022**

Tarikh	Bandar	Waktu Tengah Hari Tanpa Bayang
23-Mar-2022	Betong, SWK	12:41
	Kukup, JHR	01:14
	Sri Aman	12:42
	Serian	12:45
24-Mar-2022	Lundu , SWK	12:48
	<b>Kuching</b>	12:46
	Pontian Kecil	01:14
	<b>Johor Bahru</b>	01:12
	Bau, SWK	12:47
25-Mar-2022	Kluang	01:14
	Muar	01:17
	Yong Peng	01:15
	Kapit, SWK	12:35
	Air Hitam, JHR	01:14
	Batu Pahat	01:15
	<b>Kota Tinggi</b>	01:11
	Kulai	01:12
26-Mar-2022	Mersing	01:11
	Labis	01:14
	Jasin	01:17
	Bekok , JHR	01:14
	Pulau Tinggi	01:10
	Jemaluang	01:11
	<b>Melaka</b>	01:18
	Kanowit	12:38
	Kahang, JHR	01:12
	Bintangor, SWK	12:40
	Sarikei	12:40
27-Mar-2022	Kuala Rompin	01:12
	Kuala Pilah	01:17
	<b>Seremban</b>	01:18
	Pulau Pemanggil	01:09
	Gemas	01:16
	Pulau Aur	01:08
	Rajang	12:36
	Segamat	01:15
	Port Dickson	01:19
28-Mar-2022	Batu Caves	01:19

	Jinjang	01:19
	Bintulu	12:34
	Ampang	01:19
	Nenasi, PHG	01:12
	<b>Kuala Lumpur</b>	01:19
	<b>Shah Alam</b>	01:20
	Petaling Jaya	01:19
	Kelang	01:20
	Pelabuhan Klang	01:20
	Kajang	01:19
	<b>Putrajaya</b>	01:19
	Kuala Kelawang	01:18
	Mukah	12:38
-----		
29-Mar-2022	Maran	01:14
	Kuala Kubu Bharu	01:19
	Bentong,PHG	01:18
	Pekan	01:12
	Mentakab	01:16
	Karak	01:17
	Rawang	01:19
	Kuala Selangor	01:21
-----		
30-Mar-2022	Bagan Datoh	01:22
	Niah,SWK	12:30
	<b>Kuantan</b>	01:12
	Raub	01:18
-----		
31-Mar-2022	Miri	12:29
	Tawau	12:13
	Kampar	01:20
	Lumut	01:22
	Chukai	01:11
	Kuala Lipis	01:17
	Bidor	01:20
-----		
01-Apr-2022	Kuala Sepetang	01:22
	Kuala Kangsar	01:21
	Dungun	01:11
	<b>Ipoh</b>	01:20
	Gunung Tahan	01:16
	Semporna	12:10
	Bruas	01:22
	Batu Gajah	01:20
	Cameron Highland	01:19
-----		
02-Apr-2022	Marang	01:12
	Selama	01:22
	Melalar, SBH	12:20
	Lenggong	01:20
	Kuala Berang	01:12

	Tenom,SBH	12:21
	Bagan Serai	01:22
	Lahad Datu	12:11
	Lawas ,SWK	12:23
	Gua Musang	01:17
	Teluk Lahad Datu	12:11
-----		
03-Apr-2022	Kuala Krai	01:15
	Beaufort	12:21
	<b>George Town</b>	01:23
	Pulau Perhentian	01:13
	Butterworth	01:22
	Pergau, KLTN	01:17
	Dabong, KLTN	01:16
	Kulim	01:22
	Bukit Mertajam	01:22
	Labuan	12:23
	<b>Kuala Terengganu</b>	01:11
-----		
04-Apr-2022	Sandakan	12:11
	Pasir Putih	01:14
	Grik	01:19
	Pulau Redang	01:12
	Gurun	01:22
	Papar	12:20
	Baling	01:20
	Banjaran Crocker	12:19
-----		
05-Apr-2022	Jitra	01:22
	Kuala Nerang	01:21
	Tumpat	01:15
	<b>Kota Bharu</b>	01:14
	<b>Alor Setar</b>	01:22
	Bachok	01:14
	Gunung Kinabalu	12:17
	Ranau	12:17
	Pasir Mas	01:15
	<b>Kota Kinabalu</b>	12:19
-----		
06-Apr-2022	Langkon, SBH	12:16
	<b>Kangar</b>	01:22
	Changlun	01:21
	Langkawi	01:24
	Kota Belud	12:17
-----		
07-Apr-2022	Kudat	12:16
	Jambongan, SBH	12:13